

## **STRATEGI PENGAJARAN DALAM TALIAN YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID SEKOLAH RENDAH**

*(Online Teaching Strategies Used by Malay Language Teachers in Improving Reading  
Primary School Students)*

**INTAN NUR SYUHADA  
HAMZAH**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[p101189@siswa.ukm.edu.my](mailto:p101189@siswa.ukm.edu.my)

**ZAMRI MAHAMOD\***

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Dihantar pada:**

30 Mei 2021

**Diterima pada:**

30 Ogos 2021

**Koresponden:**

[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Pengajaran dan pembelajaran dalam talian merupakan satu norma baharu dalam sistem pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid ketika mengajar secara dalam talian. Seramai tiga orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar dijadikan peserta kajian. Ketiga-tiga peserta kajian ialah guru berpengalaman, mengajar secara dalam talian dan sukarela untuk ditemu bual. Guru-guru Bahasa Melayu ini mengajar pada Tahap 2 di tiga buah sekolah rendah berbeza di daerah Pekan, Pahang. Data temu bual secara naratif berdasarkan tema-tema yang ditemui. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu kerap mengaplikasikan strategi berpusatkan bahan dan aktiviti dalam kemahiran membaca ketika mengajar secara dalam talian. Dua strategi pengajaran ini mempengaruhi strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid sekolah rendah dalam pembelajaran secara dalam talian. Implikasi kajian ini ialah pembelajaran dalam talian boleh membantu meningkatkan kemahiran membaca murid-murid sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Strategi pengajaran, pembelajaran dalam talian, kemahiran membaca, kemahiran menulis, sekolah rendah

**Abstract:** Online teaching and learning is a new norm in the education system. This study aimed to explore the teaching strategies used by teachers of Malay Language in improving the reading skills of students when teaching online. A total of three teachers who had been teaching Malay Language made pesert study. All three study participants were experienced teachers, taught online and volunteered to be interviewed. Teachers have taught Malay Language at Level 2 at three different primary schools in Pekan, Pahang. Narrative interview data based on the themes encountered. The results showed that the Malay Language teachers often apply the material-centered strategies in reading skills and strategies centered activities when teaching reading skills online. Two teaching strategies affect Malay Language teaching strategies to improve reading skills of primary school student online learning. The implication of this study is that online learning can help improving the reading skills of primary school students.

**Keywords:** Teaching strategy, online learning, reading skill, writing skill, primary school

## PENGENALAN

Krisis global yang melanda dunia disebabkan penularan wabak COVID-19 memberikan kesan buruk bukan sahaja kepada sektor ekonomi, malah turut menjelaskan sistem pendidikan negara. Kesan pandemik COVID-19 telah mendidik masyarakat untuk hidup dalam norma baharu dari segenap aspek termasuklah transformasi sistem pendidikan. Institusi pendidikan yang terlibat seperti universiti, kolej, matrikulasi dan sekolah terpaksa ditutup untuk sementara waktu bagi mengekang penularan wabak ini. Menurut Wan Ya Shin (2020), seramai 1.5 bilion murid daripada lebih 165 buah negara di seluruh dunia menerima kesan kerana perubahan sistem operasi pembelajaran. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2020) terpaksa mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dengan memperkenalkan garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) untuk panduan guru.. Usaha ini adalah untuk mengelakkan penularan wabak dan memastikan agar para murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Pada masa yang sama, guru juga tidak terlalu dibebani dengan sukanan pelajaran yang perlu dihabiskan dalam masa yang singkat.

PdP secara dalam talian adalah alternatif baharu bagi menggantikan pendidikan secara konvensional, iaitu secara bersemuka. Norma baharu menyebabkan sektor pendidikan negara perlu menerima penggunaan teknologi secara maksima untuk melancarkan proses PdP (Hasnah 2020). Pembelajaran secara dalam talian menggunakan medium seperti *Google Classroom*, *Google Meets*, *Microsoft Teams*, *Zoom* dan sebagainya membantu para pendidik menguruskan mod pembelajaran secara dalam talian dengan lebih sistematis. Media sosial seperti *whatsapp* dan telegram dimanfaatkan sepenuhnya sebagai platform untuk menyampaikan info, arahan dan latihan. Namun demikian, keadaan ini memberi cabaran baharu kepada guru dan murid terutamanya untuk membantu mengatasi masalah literasi Bahasa Melayu. Perubahan pembelajaran secara dristik ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap kemajuan literasi Bahasa Melayu murid sekolah rendah.

Literasi bahasa atau disebut sebagai ‘celik huruf’ secara umumnya merupakan kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Kemahiran literasi seseorang tidak berlaku secara semula jadi malah memerlukan proses dan pelaksanaan yang rapi. Proses kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak dibina secara serentak dan saling bergantung tanpa turutan tertentu dikenali sebagai penampilan literasi (Wan Nurzuliana 2019). Menyedari tentang kepentingan literasi bahasa pendidikan, KPM telah melaksanakan Program Saringan Literasi dan Numerasi atau LINUS pada tahun 2010 bagi membantu murid peringkat sekolah rendah seluruh Malaysia menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira

(3M). Keberkesanan program ini dalam membantu meningkatkan tahap literasi murid dibuktikan dengan 99.84 peratus murid tahun tiga berjaya menguasai literasi membaca dan menulis sejak LINUS 2.0 diperkenalkan pada tahun 2013.

Namun demikian, bermula tahun 2019 Program LINUS diberhentikan dan digantikan dengan program pada peringkat sekolah yang memantau keperluan murid menguasai kemahiran literasi mengikut ‘acuan sekolah’ sendiri. Oleh itu, pihak pentadbir dan guru memikul tanggungjawab penting untuk merangka strategi PdP bagi memastikan murid berkeupayaan untuk menguasai asas literasi membaca dan menulis. Kepentingan literasi bahasa merupakan sebahagian besar daripada keperluan pendidikan khususnya untuk membantu perkembangan negara menjadi sebuah negara maju (Jaka Warsihna 2016). Oleh itu, aspek literasi membaca dan menulis telah memberikan cabaran baharu dalam suasana pembelajaran norma baharu kini.

Dengan kata lain, murid-murid pada usia awal persekolahan perlu didedahkan dengan kemahiran literasi membaca. Penguasaan asas bahasa yang kukuh akan memudahkan proses pemahaman dan interaksi sosial. Pembelajaran secara dalam talian perlu dimanfaatkan semaksima mungkin agar kemahiran literasi membaca murid sekolah rendah dalam perubahan pendidikan secara norma baharu dapat ditingkatkan.

## PENYATAAN MASALAH

Pembelajaran secara dalam talian telah memberikan implikasi besar sebagai pengalaman baharu terutamanya kepada murid dan guru sama ada menetap di kawasan bandar maupun luar bandar (Abdul Aziz & Aida Zuraina 2020). Faktor latar belakang sosioekonomi keluarga murid yang berpendapatan rendah merupakan punca utama pendidikan murid terhad dan menyebabkan mereka kecinciran dalam pelajaran. Realiti pendidikan di kawasan luar bandar yang sering dikaitkan dengan kekurangan infrastruktur yang lengkap untuk pendidikan perlu diberikan penumpuan secara lebih mendalam. Menurut Buja et al. (2020), murid tidak dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap pembelajaran di rumah kerana ada dalam kalangan mereka perlu membantu keluarga dalam urusan harian, tinggal dalam lingkungan kediaman tidak kondusif serta tidak memiliki peranti elektronik yang menyokong teknologi untuk pembelajaran. Realiti pembelajaran secara dalam talian adalah norma baharu yang perlu diterima, namun isu jurang digital terutamanya bagi murid yang tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman memberi cabaran terhadap sistem pendidikan negara.

Pembelajaran di luar bilik darjah atau secara maya memberi cabaran kepada guru untuk merangka strategi pengajaran yang efektif. Kaedah pembelajaran interaktif menggunakan teknologi maklumat bukanlah solusi

terbaik kepada guru-guru yang sudah terbiasa menggunakan kaedah tradisional. Perubahan drastik dalam sistem pendidikan memerlukan bukan sahaja tenaga warga pendidik, malah ibu bapa juga perlu memainkan peranan untuk membantu pembelajaran anak-anak di rumah. Menurut Wahyu Trisnawati dan Sugito (2021), pandemik COVID-19 menyebabkan murid menghabiskan lebih banyak waktu untuk belajar di rumah. Faktor keprihatinan ibu bapa terhadap pembelajaran menentukan keberhasilan anak-anak dalam pelajaran. Ceteknya pengetahuan dan pemahaman mengenai kedudukan tanggungjawab ibu bapa dalam pendidikan anak-anak akan mengganggu perkembangan minda serta motivasi mereka. Hal ini ditegaskan oleh Ahmad Khairuddin et al. (2018) yang mendapati kefungsian keluarga jelas mempengaruhi motivasi pencapaian individu dalam pelbagai aspek. Kesediaan murid daripada keluarga berpendapatan tinggi lebih baik daripada keluarga berpendapatan rendah mengukuhkan bahawa kaitan sosioekonomi keluarga memberi kesan kepada pembelajaran secara dalam talian ketika PKP (Andrew et al. 2020).

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Mohd Radzi Jidin (Berita Harian, 1 Julai 2020). menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan belajar dari rumah didapati kurang berkesan berbanding pembelajaran secara bersemuka. Hal ini disebabkan oleh akses kepada teknologi komunikasi yang terhad. Sekiranya situasi pembelajaran secara '*home based*' terpaksa dilaksanakan secara berterusan, murid akan menghadapi bebanan pelajaran yang semakin berat. Bagi mata pelajaran bahasa Melayu, murid Tahap Satu difokuskan untuk mencapai tahap penguasaan minimum asas literasi iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur (KPM 2016). Walau bagaimanapun, murid Tahap 2 yang sepatutnya sudah menguasai asas kemahiran ini perlu diberikan perhatian agar masalah buta huruf berlanjutan hingga ke peringkat menengah rendah. Fokus ini dapat direalisasikan apabila PdP dilaksanakan secara terancang. Namun, kekangan murid yang sukar menyesuaikan diri untuk menyertai kelas secara dalam talian menyukarkan guru untuk melaksanakan pengajaran. Situasi ini bersesuaian dengan pendapat Manzoor dan Ramzan (2020) yang menganggap pembelajaran secara dalam talian tidak memberi keadilan kepada golongan tertentu seperti murid bekeperluan khas serta murid golongan miskin yang tiada akses kepada pembelajaran dalam talian.

Menurut Yahya dan Roselan (2007), pengajaran bahasa dalam konteks literasi tidak terkecuali daripada menerima pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Walaupun mata pelajaran Bahasa Melayu secara dasarnya kelihatan mudah untuk dipelajari, namun penguasaan asas literasi membaca dan menulis pada peringkat awal hanya boleh ditangani oleh guru yang berkemahiran. Kaedah pembelajaran secara norma baharu secara umumnya telah mengganggu daya kefahaman dan tumpuan murid.

Apabila kursus atau pengajaran diajarkan hanya berdasarkan teori, murid didapati menunjukkan rasa kurang minat dan menganggap sesi pembelajaran mereka kurang mencabar (Fazlina & Aniza Suriati 2017). Ketiadaan komunikasi secara dua hala antara guru dan murid pula akan mengakibatkan sesi pembelajaran menjadi tidak efektif dan efisien. Isu ini dikeruhkan lagi apabila masih ramai guru yang sukar mengubah teknik PdP kepada kaedah terkini seperti aplikasi teknologi untuk membolehkan mereka menyampaikan bahan pengajaran secara dalam talian (Ahmad Rizal et al. 2016).

Kemahiran bahasa mempunyai peranan yang besar dan merupakan kemahiran asas untuk menguasai sesuatu mata pelajaran (Roselan 2003). Pemansuhan program LINUS sebagai salah satu intervensi untuk mengurangkan beban tugas guru telah diumumkan pada tahun 2019. Keputusan ini mendatangkan keimbangan terhadap ibu bapa kerana pendekatan sokongan yang dikendalikan di peringkat sekolah tidak seragam dan masih berada pada tahap yang lemah. Penguatkuasaan PKP sejak Mei 2020 telah menambahkan lagi kegusaran warga pendidik untuk mengubah kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid. Risiko murid yang akan kecinciran dalam pelajaran dilihat menjadi isu kerana tidak menguasai kemahiran asas literasi yang kukuh. Tambahan pula, budaya mempelajari literasi semakin dianggap remeh kerana murid lebih memilih menggunakan teknologi digital sebagai hiburan daripada mengasah kemahiran literasi (Eka Dewi et al. 2017). Sekiranya masalah ini tidak ditangani sejak awal, kelemahan kemahiran membaca akan berterusan hingga peringkat sekolah menengah dan menyumbang kepada peratusan kegagalan yang tinggi dalam keputusan peperiksaan (Muhammad Saiful Haq et al. 2012).

Secara keseluruhan, pembelajaran kemahiran literasi membaca memerlukan kawalan dan perhatian. Masalah seperti murid mudah hilang tumpuan semasa belajar boleh berpunca daripada kaedah guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan (Mohd Aderi 2009). Menurut Mohd Fairuz et al. (2020), kesediaan pembelajaran secara dalam talian akan memberikan kompetensi dalam penggunaan alat pengajaran digital kepada para pendidik. Justeru, guru bertanggungjawab untuk memastikan amalan strategi pengajaran lebih terancang agar mutu pendidikan akan lebih berkualiti. Pembelajaran secara dalam talian diharapkan dapat memberikan variasi terhadap strategi pengajaran guru dan memberikan kesan yang baik kepada asas kemahiran literasi membaca murid sekolah rendah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneroka strategi pengajaran kemahiran membaca yang diaplikasi oleh guru ketika mengajar Bahasa Melayu secara dalam talian.

## KAJIAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Pendekatan e-pembelajaran atau pembelajaran dalam talian merupakan kaedah yang sudah tidak asing dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia. Menurut Hunt (2004), perkembangan teknologi seiring evolusi Internet telah memberi saingan kepada konsep dan teori pendidikan tradisional, terutamanya terhadap konsep bilik darjah serta metod PdP. Pembelajaran berbantuan komputer telah mencipta pendidikan secara maya dan semakin mendapat sambutan oleh warga pendidik. Definisi e-pembelajaran berkaitan pedagogi terbahagi kepada dua, iaitu konseptual dan operasional (Yusup 2012). Konseptual menekankan proses pembelajaran melibatkan interaksi kolaboratif dan konstruktif. Proses ini memerlukan aplikasi peralatan elektronik yang berteknologi dalam pembelajaran dalam talian. Operasional pula mementingkan kemahiran mengendalikan alat atau perkakasan teknologi untuk memudahkan proses PdP secara dalam talian.

Pembelajaran dalam talian saling bergantung dengan kemudahan Internet untuk mengakses bahan pelajaran. Kemudahan akses maklumat di hujung jari membolehkan pengguna belajar dalam pelbagai pengalaman belajar menerusi Internet. Pengguna boleh berinteraksi dengan kandungan, pengajar, rakan belajar untuk mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku dan membina pengalaman yang bermakna serta mengembangkan hasil daripada pengalaman pengajaran dalam kehidupan. E-pembelajaran memulakan suasana pembelajaran yang sebenar menerusi akses kepada laman-laman sesawang di Internet yang menjadi pusat pelbagai sumber pembelajaran seperti laman-laman capaian Internet dan program pembelajaran berdasarkan hypermedia (Zahiah & Abdul Razaq 2010).

Pada masa kini, TMK telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian. Kepentingan memiliki peranti elektronik seperti komputer dan telefon pintar amat penting untuk mendapatkan pendidikan. Peralatan ini dapat memudahkan proses PdP. Sektor pendidikan kini telah mengutamakan penggunaan komputer dengan jaringan Internet jalur lebar yang berfungsi sebagai alat komunikasi dalam sistem pemprosesan maklumat. Penggunaan teknologi dalam pendidikan bukan sahaja diaplikasikan dalam sistem perkeranian, malah diterapkan sebagai medium untuk menyampaikan ilmu. Menurut Rosninawati (2020), pembelajaran dalam talian adalah satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi kini. Pendekatan baharu, iaitu kaedah pembelajaran dalam talian hasil gabungan teknologi maklumat dan komunikasi menerusi proses pendidikan global perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

Ketika pandemik COVID-19 melanda dunia, pembelajaran dalam talian telah diketengahkan sebagai medium perantara untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran. Pertemuan secara bersemuka terpaksa dihentikan sementara untuk mengekang penularan

wabak dan digantikan dengan PdP secara dalam talian. Menurut Juliana (2020), kesan pandemik COVID-19 telah menimbulkan keresahan dalam kalangan murid, pendidik serta ibu bapa. Peter et al. (2020) pula telah mengkaji hubungan antara tekanan, kesejahteraan dan kawalan emosi negatif terhadap guru bahasa sebagai strategi mengatasi masalah tekanan semasa pengajaran dalam talian. Perubahan daripada kesan pandemik COVID-19 telah menambahkan bebanan dan tekanan yang baharu kepada guru untuk ditangani. Masalah yang dibincangkan termasuklah pertukaran drastik kaedah pengajaran bahasa kepada pengajaran dalam talian. Pendapat yang sama diutarakan oleh Norsita dan Zainal (2014) yang menyatakan bahawa, selain sikap guru dan terlalu berorientasikan akademik, guru juga dibebani dengan bebanan kerja seperti menguruskan bilangan murid yang ramai dalam satu kelas, keterhadan masa untuk membuat persediaan dan kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian. Faktor-faktor ini menjelaskan bahawa tugas guru untuk menukar kaedah pengajaran secara drastik ternyata memberikan tekanan dan bebanan.

Kesan pandemik COVID-19 kepada pendidikan menuntut murid untuk beradaptasi dengan sistem dalam talian berbanding kaedah pengajaran konvensional sedia ada. Kajian oleh Abdul Rashid et al. (2020) mengenai strategi pembangunan aspek kesejahteraan kendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19 mendapati terdapat faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran kepada pembelajaran dalam talian. Hasil perbincangan mengetengahkan empat elemen utama yang menjadi cabaran dan tekanan kepada murid semasa norma baharu. Elemen tersebut ialah penyesuaian kendiri, masalah capaian internet, kelemahan pengurusan masa dan isu kewangan untuk membeli data Internet. Permasalahan yang dinyatakan sekiranya tidak ditangani segera menyebabkan berlakunya keciciran dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, cabaran pembelajaran dalam talian secara norma baharu di Malaysia masih lagi terkawal dan berada pada tahap minimum.

Menurut Hasnah (2020), 70 peratus murid daripada latar belakang sosio ekonomi yang rendah berasa terbeban dengan keperluan pembelajaran dalam talian. Penerimaan norma baharu menyebabkan sektor pendidikan negara menuju ke arah penggunaan teknologi secara maksima. Murid daripada golongan keluarga B40 didapati lebih terkesan kerana perlu melanggan data Internet untuk membolehkan mereka menyertai kelas, peperiksaan dan menghantar tugas. Oleh itu, kesedaran daripada pelbagai pihak terhadap jurang digital yang berlaku dapat membantu mengurangkan isu dan cabaran berkenaan teknologi dalam pembelajaran. Menurut Wan Ya Shin (2020), beberapa buah negara telah mengambil langkah dan inisiatif tambahan dengan menyumbangkan peranti kepada murid agar akses bagi kelas dalam talian dapat ditingkatkan. Negara China, United States dan Finland pula memberi ruang kepada murid untuk mengakses

platform pembelajaran digital dengan meminjam alat digital dari pihak sekolah. Oleh itu, sumbangan daripada pihak swasta juga meringankan beban murid yang kurang berkemampuan untuk menyertai kelas dalam talian menggunakan peranti yang sesuai.

Kajian awal telah dilakukan oleh Muniroh et al. (2020) untuk melihat adaptasi PdP secara dalam talian sebagai norma baharu semasa COVID-19. Perubahan struktur kurikulum menerusi pengintergrasian pembelajaran dan penilaian alternatif adalah lebih menyeluruh serta tidak mengenepikan kualiti graduan yang dihasilkan. Adaptasi daripada kaedah pengajaran norma baharu perlu menitikberatkan penggunaan bahan PdP yang interaktif dengan bantuan teknologi seperti *Focusky*, *iClone*, *Video Explainers*, *Wave* dan *Lively* agar murid lebih fokus dan memahami pengajaran dengan lebih cepat. Bagi memastikan kelancaran penilaian, pengaplikasian medium perantara seperti kuiz interaktif, demonstrasi pengajaran, penandaan bersistem, rakaman suara atau webcast dan video pembentangan dilakukan secara dalam talian belum pernah dilaksanakan secara menyeluruh semasa pelaksanaan PdP secara konvensional.

Secara ringkasnya, dapanan kajian mendapati PdP secara dalam talian yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia adalah solusi terbaik untuk perubahan kehidupan secara norma baharu. Penerimaan yang disambut baik oleh masyarakat dapat meningkatkan kualiti pendidikan berteraskan teknologi pada masa akan datang.

## **KAJIAN KEMAHIRAN LITERASI MEMBACA**

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran asas bahasa yang penting dalam pembelajaran. Menurut Yahya (2005), membaca dapat memudahkan proses memahami teks dan memberi makna yang tepat kepada pembaca. Keupayaan membaca memerlukan proses yang dinamik tetapi kompleks iaitu melibatkan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dan penulis. Tujuan mempelajari kemahiran membaca adalah untuk memperoleh sumber pengetahuan dan sebagai asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan (Abdul Rasid 2011). Individu yang mempunyai kemahiran membaca dapat memahami fakta, menginterpretasi dan menganalisis bahan yang dibaca serta mampu menterjemahkan kembali kefahaman dari bahan bacaan. Pada peringkat awal, keupayaan membaca oleh kanak-kanak dimulakan dengan mengecam bentuk visual dan menghubungkan bentuk dan bunyi melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan diperoleh dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca.

Abdul Rasid (2011) dalam kajiannya menyentuh permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dapanan kajian bagi masalah kemahiran membaca dengan menunjukkan faktor kegagalan

murid-murid memahami isi kandungan maklumat dalam teks yang dibaca adalah masalah utama dalam kemahiran membaca diikuti faktor tidak memahami maksud ayat yang dibaca. Masalah menulis pula disebabkan oleh faktor tidak dapat membezakan huruf besar dan kecil serta tidak mengenali fungsi tanda baca dalam struktur ayat. Kepelbagaiannya kecerdasan murid dalam pelajaran menjadikan pendidikan pemulihan dijadikan sebagai kaedah menangani kekurangan murid dalam menguasai literasi bahasa. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), punca murid-murid tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran adalah disebabkan masalah tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Ketidakcepatan ini mengganggu motivasi dan sikap mereka untuk mempelajari bahasa Melayu serta mata pelajaran yang lain.

Kajian oleh Eka Dewi et al. (2017) mendapati wujudnya budaya literasi dalam kalangan murid seperti kemahiran atau ketrampilan memahami bacaan dengan baik dan kemahiran menulis pelbagai genre teks. Ketrampilan literasi membantu menyediakan rangsangan pemikiran yang tinggi dan mengungkapkan idea murid dalam bentuk tulisan. Usaha berterusan dari pihak pengurusan sekolah untuk mencapai sifar ‘buta huruf’ dalam kalangan murid sekolah rendah dapat meningkatkan pencapaian akademik murid terutamanya bagi kemahiran literasi membaca dan menulis. Pengajaran bahasa perlu disampaikan dengan pendekatan yang lebih menarik serta mempelbagaikan bahan bantu mengajar dan kaedah mengajar seperti penggunaan media untuk menarik minat murid mewujudkan interaksi dua hala (Muhamad Hasan 2000).

Penguasaan terhadap kemahiran membaca menjadi tunjang utama kepada penyebaran ilmu pengetahuan. Tanpa kemahiran membaca, murid-murid berhadapan kesukaran untuk menguasai ilmu terutamanya dalam bidang-bidang yang ingin diceburi. Program LINUS bahasa Melayu amat menitikberatkan kemahiran literasi membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Cadangan penambahbaikan menerusi pendekatan kajian kepustakaan terhadap 12 konstruk penilaian kemahiran membaca perlu diperhalusi dan dijadikan sumber rujukan guru dalam pengajaran kemahiran membaca (Mohamad Rozi 2021). Dapanan kajian membantu guru untuk membuat penilaian dan intervensi dalam melaksanakan pengajaran LINUS bahasa Melayu yang berfokus kepada kemahiran membaca. Punca kemerosotan akademik dalam kalangan murid sekolah rendah dipengaruhi oleh faktor ketidaklancaran menguasai kemahiran membaca dan menulis (Wan Nurzuliana 2019). Oleh itu, aspek-aspek bahasa melibatkan kemahiran membaca amat penting untuk diperhalusi agar murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran secara dalam talian.

Kaedah pengajaran secara konvensional dan bersifat sehalia menjadi salah satu faktor murid-murid pemulihan sukar menguasai kemahiran membaca (Zamri 2020). Pengajaran guru yang kreatif telah

menyebabkan murid berjaya menguasai kemahiran membaca dan tidak tersenarai sebagai murid pemulihan. Faktor kejayaan dipengaruhi oleh strategi pengajaran yang digunakan, iaitu berpusatkan murid. Pihak pentadbir yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada guru dengan membantu menjayakan program pemulihan juga menjadi faktor kejayaan tersebut. Tindakan ini dapat meningkatkan motivasi guru untuk menghasilkan pengajaran berimpact dan menunjukkan sikap yang baik terhadap kerjaya walaupun tugas mendidik murid pemulihan adalah bukan tugas yang mudah.

Rumusannya, kajian-kajian berkaitan kemahiran membaca secara dalam talian yang berfokus kepada murid sekolah rendah masih terhad. Oleh itu, diharapkan kajian-kajian berkaitan dapat diperbanyakkan sebagai sumber literatur untuk kajian-kajian akan datang.

### **KAJIAN PENDEKATAN STRATEGI PENGAJARAN GURU**

Sikap guru dalam merancang strategi pengajaran, mengambil berat akan perkembangan dan kelemahan murid adalah salah satu kaedah untuk menentukan keberkesanan pengajaran kemahiran menulis. Menurut Che Zanariah dan Fadzilah (2011), strategi pengajaran yang sesuai untuk mengajar kemahiran menulis adalah dimulakan dengan kemahiran mudah kepada sukar. Melalui strategi ini, murid-murid mudah untuk memahami pengajaran yang disampaikan. Namun, disebabkan faktor sikap guru terhadap pengajaran kemahiran menulis yang belum memuaskan, objektif yang disasarkan menerusi PdP kemahiran menulis sukar dicapai. Oleh itu, perancangan awal guru terhadap pemilihan strategi serta pendedahan awal kepada murid berupaya untuk meningkat pemahaman bagi kemahiran menulis.

Sejak dengan perkembangan Internet, proses PdP tidak hanya berfokus kepada penggunaan bahan bacaan dan kaedah tradisional sahaja. Kaedah pengajaran guru melalui penggunaan teknologi membantu menyediakan pembelajaran yang lebih interaktif. Nur Hazirah dan Masayu (2020) dalam kajian mereka menyatakan sepanjang pandemik COVID-19, kaedah pengajaran secara dalam talian telah dilaksanakan agar murid dapat mengikuti dan melakukan aktiviti PdP semasa di rumah. Dapatkan kajian mendapati tahap penggunaan aplikasi dalam talian berada pada tahap memuaskan. Penggunaan aplikasi *whatsapp* sebagai kaedah utama untuk menyampaikan PdP adalah sangat efektif dalam tempoh pelaksanaan PKP. Zawiah (2020) dalam dapatan kajiannya turut menyokong bahawa penggunaan aplikasi *whatsapp* semasa sesi PdP menjadi pilihan pelajar university kerana sebilangan daripada mereka tidak mempunyai capaian Internet yang stabil. Secara ringkasnya, penggunaan TMK dalam pendidikan mampu memberikan kesan yang baik seperti kaedah

konvensional sekiranya kekangan pembelajaran dalam talian dapat diatasi dengan kerjasama pelbagai pihak.

Menurut Zamri (2014), guru disarankan untuk menggunakan strategi PdP agar pengukuhan dapat dilakukan terhadap minat murid untuk belajar. Teknik pengajaran yang diaplikasikan sebaiknya sesuai dengan perkembangan diri dan kebolehan murid-murid agar pembelajaran bermakna dapat diberikan. Salah satu strategi pengajaran untuk mencapai tahap intelektual murid yang maksimum adalah melalui penggabungan linian. Kajian oleh Amirul Mukminin (2020) dilakukan bertujuan untuk melihat keberkesanan aplikasi kuiz berasaskan permainan *Quizzizz* sebagai medium e-penilaian. Pendidikan norma baharu dengan kecanggihan TMK menjadikan aplikasi pendidikan sebagai alternatif sesi pembelajaran secara santai berbantuan media dan gajet (Wan Ya Shin 2020). Dapatkan kajian menunjukkan aplikasi *Quizizz* dalam pembelajaran memberi kesan positif kepada murid. Proses e-penilaian yang diintegrasikan dalam pengajaran bahasa dapat diselaraskan dengan gaya pembelajaran abad ke-21 sekali gus membina suasana menarik dan menyeronokkan kepada murid.

Menurut Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2021), strategi pengajaran dalam menangani masalah bacaan murid disleksia lebih bertumpu kepada strategi berpusatkan guru. Kajian rintis mendapati kebanyakan guru Bahasa Melayu berhadapan kesukaran untuk memberi bimbingan terhadap murid yang lemah membaca. Kelemahan guru-guru ini dikenal pasti menerusi kurangnya pengamalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) iaitu aktiviti berpusatkan murid. Syamsulaini dan Mashitoh (2016) mendapati strategi berpusatkan murid berasaskan video membantu memudahkan tugas guru, di samping mencipta suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Aplikasi video dalam pengajaran berpotensi sebagai medium untuk meningkatkan asas pengetahuan dan kefahaman, memberi motivasi serta menjamin keberkesanan pengajaran agar objektif dapat dicapai. Sebagai pengukuhan dan usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif, strategi berpusatkan bahan dan aktiviti juga boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, pada dasarnya strategi pengajaran perlu disesuaikan oleh guru dengan tahap kefahaman murid yang berbeza-beza iaitu baik, sederhana dan lemah.

Pelaksanaan PdP dalam talian adalah lebih berkesan sekiranya corak pengajaran guru berfokus kepada penglibatan murid. Oleh itu, selaras dengan apresiasi PAK-21, kaedah pengajaran dalam talian seperti kaedah projek dan pengajaran berasaskan masalah menjadi amalan guru cemerlang Bahasa Melayu (Mohd Rohiman et al. 2021). Pendekatan didik hibur juga dilihat amat membantu dari segi menggalakkan penglibatan murid semasa PKP. Menurut Mazlan (2016), kaedah humor sebagai salah satu pendekatan didik hibur sesuai dijalankan dalam PdP Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati kaedah humor yang sering diaplikasikan guru terbahagi kepada tiga

iaitu secara komunikasi, bahan dan variasi pengajaran. Sekiranya diaplikasikan dalam PdP dalam talian, elemen didik hibur berdasarkan bahan dan komunikasi adalah lebih praktikal dan sesuai untuk memberi suntikan humor agar pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan.

Penangguhan pembukaan sekolah yang masih belum diketahui penghujungnya menyebabkan para guru sudah semakin selesa dengan PdP dalam talian. Strategi pengajaran berpusatkan bahan dan murid didapati menjadi pilihan para guru bahasa Melayu seperti kaedah projek, penyelesaian masalah, perbincangan dan latih tubi (Fenny Lau et al. 2021). Aplikasi teknologi dalam pembelajaran membantu murid meningkatkan penguasaan pembelajaran kendiri berdasarkan tahap perkembangan. Daripada tugas yang diberikan, murid dapat meningkatkan daya inovasi dan kreativiti semasa proses pembelajaran. Pemikiran yang kritis berdasarkan pengetahuan sedia ada juga dapat dipraktikkan. Oleh itu, penguasaan kemahiran teknologi digital dapat meningkatkan keberhasilan strategi pengajaran yang dinamik dan efisien.

## METODOLOGI

Penelitian terhadap kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data perlu disesuaikan dengan jenis penyelidikan yang dijalankan. Pendekatan penyelidikan sama ada kuantitatif atau kualitatif dalam kajian pula ditentukan oleh persoalan dan objektif kajian. Reka bentuk kajian adalah panduan untuk memastikan objektif dan persoalan kajian dapat dijawab menerusi beberapa prosedur tertentu (Sekaran & Bougie 2016). Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji strategi pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian bagi mengajar kemahiran membaca dan menulis. Justeru, kaedah kualitatif menggunakan kajian kes digunakan dalam kajian ini.

Seramai tiga orang guru Bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan (Chua Yan Piaw 2014). Dalam konteks kajian ini, peserta kajian dipilih berdasarkan pengalaman mengajar, mengajar secara dalam talian dan sukarela untuk ditemu bual. Guru-guru Bahasa Melayu ini juga mengajar di tiga buah sekolah kebangsaan yang dikategorikan sebagai sekolah luar bandar yang terletak di daerah Pekan, Pahang.

Bagi kajian ini, kaedah temu bual memainkan peranan yang penting untuk membantu menjawab objektif kajian. Perkara yang difokuskan dalam temu bual adalah berkenaan latar belakang responden seperti umur, jantina, kaum, tempoh pengalaman mengajar, bidang opsyen utama, tahap pendidikan tertinggi, dan strategi pengajaran dalam talian yang digunakan.

Proses temu bual dijalankan menggunakan medium perantara *Google Meet*. Setelah ditetapkan masa dan hari, temu bual dilakukan secara berasingan bagi setiap peserta kajian. Setiap temu bual memakan

masa 1 jam bagi peserta kajian. Data temu bual yang direkodkan dalam Google Meets tersebut kemudiannya ditukarkan dalam bentuk transkrip temu bual. Daripada transkrip tersebut, dibentuk tema-tema yang ditemui.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan analisis dapatan temu bual bersama tiga orang guru sekolah rendah yang mengajar di lokasi kajian. Analisis temu bual dijalankan untuk meneroka strategi pengajaran yang diaplikasikan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid sekolah rendah semasa belajar Bahasa Melayu secara dalam talian.

### Demografi Peserta Kajian

Jadual 1 menunjukkan demografi peserta kajian ini melibatkan tiga orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di tiga buah sekolah kebangsaan. Peserta kajian ini terdiri daripada guru-guru perempuan yang secara sukarela ditemu ramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Kesemua guru ini diberikan singkatan sebagai GBM1, GBM2 dan GBM3. GBM1 ialah guru berbangsa Melayu berumur 34 tahun dan mengajar di sekolah kebangsaan kategori bandar. Dari aspek kelulusan tertinggi, GBM1 adalah lulusan Ijazah Sarjana dalam opsyen Bahasa Melayu dan mempunyai pengalaman mengajar selama 10 tahun. Peserta kajian kedua, iaitu GBM2 pula ialah guru berbangsa Melayu berumur 31 tahun dan mengajar di sekolah kebangsaan kategori bandar. Tahap pendidikan tertinggi GBM2 ialah Ijazah Sarjana Muda lulusan bidang Bahasa Melayu dan berpengalaman selama 7 tahun menjadi guru. GBM3 pula merupakan guru berbangsa Melayu dan berumur 39 tahun dan mengajar di sekolah kebangsaan kategori luar bandar. Opsyen utama adalah bidang Bahasa Melayu dan merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda dengan pengalaman mengajar selama 13 tahun.

JADUAL 1. Maklumat demografi peserta kajian

<b>Kategori</b>	<b>Peserta Kajian-Guru Bahasa Melayu</b>		
	<b>GBM1</b>	<b>GBM2</b>	<b>GBM3</b>
1 Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan
2 Umur	34 tahun	31 tahun	39 tahun
3 Kaum	Melayu	Melayu	Melayu
4 Lokasi Sekolah	Bandar	Bandar	Luar
5 Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda
6 Opsyen Utama	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
7 Pengalaman Mengajar	10 tahun	7 tahun	13 tahun

### **Strategi Pengajaran Kemahiran Membaca Yang Diaplikasi Guru dalam Pengajaran Bahasa Melayu Secara Dalam Talian**

Berdasarkan analisis data temu bual, terdapat empat tema yang dikenal pasti sebagai strategi pengajaran yang diaplikasikan guru Bahasa Melayu semasa PdP dalam talian. Kesemua guru didapati mengaplikasikan keempat-empat strategi pengajaran dalam kemahiran literasi membaca secara dalam talian. Strategi pengajaran tersebut ialah strategi berpusatkan bahan, berpusatkan guru, berpusatkan murid dan berpusatkan aktiviti. Maklumat strategi pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2. Strategi pengajaran kemahiran membaca secara dalam talian**

Bil.	Tema	Subtema	Peserta Kajian			Jumlah
			GBM1	GBM2	GBM3	
1.	Strategi berpusatkan bahan	Modul	/	/	/	3
		Rakaman video	/	/	/	3
		Kad bacaan	x	/	x	1
		Kuiz	x	/	/	2
2.	Strategi berpusatkan aktiviti	Aktiviti bacaan	/	/	/	3
		Nyanyian	/	/	x	2
		Lakonan	/	/	x	2
3.	Strategi berpusatkan guru	Kelas dalam talian	x	/	x	1
		Insentif	/	/	/	3
4.	Strategi berpusatkan murid	Kaedah projek	/	/	/	3
		Simulasi	x	/	x	1

#### **Tema 1: Strategi Berpusatkan Bahan**

Berdasarkan temu bual, kesemua GBM menyatakan rasional pemilihan strategi berpusatkan bahan adalah kerana kekangan melaksanakan PdP dalam talian melibatkan masalah capaian internet dan pemilikan gajet oleh murid yang tidak menyeluruh. Oleh itu, kesemua GBM mempunyai pandangan yang sama bahawa menerusi bahan pengajaran seperti modul, murid-murid dapat menyiapkan tugas secara luar talian dan hanya perlu dihantar kepada guru untuk disemak sekiranya telah disiapkan. Malah, syarat pembelajaran dari rumah atau dikenali sebagai PdPR juga telah mencadangkan inisiatif pembelajaran berdasarkan modul agar murid-murid mempunyai bahan untuk belajar.

- *Jadi sekolah memang dari tahun 1 sampai tahun 6 memang guna modul. (GBM1)*

- *Lepastu kalau saya ini dekat sekolah bandar ini akan, kita boleh lah pergi ke rumah dia hantar modul pelajaran. (GBM2)*
- *Macam contoh saya beri petikan ringkas untuk dibaca dan minta murid menjawab soalan mudah dalam modul. (GBM3)*

Seterusnya, temu bual mendapati kesemua GBM menggunakan inisiatif rakaman video sebagai strategi berpusatkan bahan. Tujuan rakaman video dibuat adalah sebagai kuliah rakaman melibatkan pengajaran guru menerangkan pengajaran bagi kemahiran membaca agar tiada murid yang keciran dalam pelajaran. Bagi murid yang sukar untuk mengikuti sesi PdP secara ‘real time’, maka rakaman video ini sangat membantu murid mengukuhkan kefahaman dan dapat mengulang penerangan yang diberikan. Murid juga digalakkan membuat rakaman video sebagai bukti pembelajaran seperti yang dipraktikkan oleh GBM2 dalam aktiviti kemahiran membaca.

- *Cikgu memang ada buatlah video. Cikgu tak ambil bahan daripada internet dari youtube, cikgu buat sendiri. (GBM1)*
- *Kaedah pengajaran lagi, cikgu beri video, contoh kalau nak ajar membatangkan suku kata tu cikgu bagi video lepastu cikgu suruh murid tulis balik perkataan tu kemudian ej, lepastu ibu bapa rakamlah aktiviti bacaan murid. (GBM2)*
- *Strategi pengajaran yang paling kerap diaplikasikan selalunya banyak berpusatkan bahan. Cikgu-cikgu buat rakaman video sebab senang murid nak ulang tengok. (GBM3)*

Daripada ketiga-tiga guru yang ditemu bual, hanya GBM2 banyak menggunakan bahan bantu mengajar seperti kad bacaan yang mengandungi ayat-ayat pendek agar mudah difahami murid untuk menarik minat membaca. Elemen didik hibur turut diterapkan kepada murid agar tidak mudah bosan ketika mengikuti pembelajaran.

- *Bahan bantu mengajar yang paling banyak digunakan adalah seperti cikgu membangunkan video pembelajaran, selepas itu slaid pembentangan. Ada guna kad bacaan, teknik nyanyian untuk mewujudkan elemen didik hibur. (GBM2)*

Sejak bermulanya PdP secara dalam talian, guru-guru mendapati bahawa penglibatan murid-murid lebih menggalakkan apabila guru mengadakan kuiz interaktif. Oleh itu, sebagai penilaian dan kaedah pengajaran, guru manfaatkan penggunaan kuiz dalam talian untuk mengajar kemahiran membaca. Hal ini dapat dibuktikan dengan temu bual bersama GBM2 dan GBM3 seperti di atas yang menyatakan bahawa strategi berpusatkan bahan iaitu kuiz interaktif boleh menarik minat murid

untuk menguasai atau mengukuhkan kemahiran membaca.

- Selain daripada tu yang paling seronok sekali adalah murid suka sangat buat kuiz. Jadi yang menggunakan aplikasi macam kahoot tu adalah mereka memang sangat suka sangat. Cikgu boleh buat sebelum atau selepas cikgu mengajar lah untuk menarik minat murid itu. (GBM2)
- Kalau nak buat penilaian, kuiz interaktif jadi pilihan saya sebab mudah dan murid-murid senang bagi kerjasama. Mereka pun seronok macam kuiz di Wordwall. (GBM3)

### **Tema 2: Strategi Berpusatkan Guru**

Strategi berpusatkan guru atau kaedah pengajaran secara langsung menjadi pilihan GBM2 semasa melaksanakan PdP secara dalam talian. GBM1 dan GBM3 turut bersetuju dengan GBM2 bahawa pengajaran berpusatkan guru adalah antara kaedah berkesan untuk mengendalikan pengajaran bahasa. Namun demikian, pembelajaran norma baharu yang berubah menyebabkan murid sukar untuk mengikuti kelas pada masa yang ditetapkan kerana faktor seperti berkongsi gajet dan komputer riba dengan adik beradik atau ibu bapa. Oleh itu, GBM1 dan GBM2 kurang mempraktikkan strategi berpusatkan guru dalam pengajaran kemahiran membaca secara dalam talian dan lebih mengutamakan secara luar talian.

Menurut GBM2, pembelajaran berpusatkan guru yang hanya bersifat sehala secara dalam talian masih berada di tahap kurang memuaskan. Oleh itu, GBM2 mengambil pendekatan untuk membahagikan murid kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada pelbagai aras murid. iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Daripada kumpulan-kumpulan ini, pengajaran berpusatkan guru adalah lebih berkualiti dan dapat berfokus kepada pencapaian penguasaan murid bagi kemahiran membaca.

- Lepastu lagi satu, bila dalam talian, kita punya nak mengajar tu terhad sebab murid ramai akan jadi cikgu nak tengok one to one tu antara satu-satu murid tu sukar. Maksudnya, cikgu kena buat berperingkat. Contoh dalam kelas tu ada 30 orang murid, cikgu perlu buat peringkat pada peringkat dan pindahkan kepada beberapa kumpulan mengikut masa yang berbeza supaya cikgu dapat lihat perkembangan membaca menulis murid secara menyeluruh. Pada masa yang sama, dapat membimbing membaca dengan menuliki. (GBM2)

Berdasarkan dapatan temu bual, kesemua guru mengamalkan pemberian insentif sama ada dalam bentuk ganjaran dan hukuman. Pemberian insentif

adalah antara inisiatif berpusatkan guru untuk meningkatkan motivasi murid mengikuti pembelajaran membaca secara dalam talian. Menurut GBM, aspek dendaan agak sukar atau terhad untuk dilakukan dan digantikan dengan cara menyenaraikan nama murid yang tidak menyiapkan tugas atau tidak menghadiri kelas. Kaedah ini adalah supaya ibu bapa dapat memberi lebih perhatian anak-anak mereka agar tidak ketinggalan mengikuti pembelajaran secara norma baharu ini.

- Kalau macam bacaan atau menulis ke, tugas yang murid dah hantar, cikgu akan cakap lah macam bagus. Lepastu cikgu ini suka bagi bermacam bentuk emoji biar nampak kreatif. Star la benda macam-macam tu akan. Cikgu akan bagi kat situ la (telegram). Tapi kalau yang lambat cikgu takde cakap ape la cuma cikgu akan bagitahu la. Cikgu akan senaraikan nama. (GBM1)
- Dalam pembelajaran dalam talian, cikgu jugak ada mewujudkan insentif kepada murid sebab nak pastikan murid ini buat ke tidak kerja kita tu. Tapi dari segi hukuman ada kekangan tak boleh nak lakukan hukuman cuma, kita boleh katakan cikgu akan mengambil markah dari kerja-kerja yang dibuat. Jadi kiranya ada lah berlakunya peneguhan positif dan peneguhan negatif kat situ. Kalau murid buat, dia dapat apa kalau tak buat dia akan dapat apa. (GBM2)
- Ya, memang saya ada beri insentif sebab nak bagi motivasi dan sokongan pada murid. Contohnya, saya beri pujian. Selain tu, ganjaran dalam bentuk bintang atau star. Lagi banyak penglibatan murid, tunjukkan peningkatan, lagi banyak bintang mereka dapat. Jadi mereka pun semangat berlumba-lumba dengan kawan-kawan. Dari aspek dendaan atau hukuman tu agak terhad nak lakukan. (GBM3)

### **Tema 3: Strategi Berpusatkan Murid**

Strategi berpusatkan murid yang diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran membaca adalah menggunakan kaedah projek. Kesemua GBM didapati mengaplikasikan kaedah ini dengan tujuan untuk mengembangkan kemahiran membaca mengikut tahap pemahaman murid. Menerusi kaedah ini, lebih banyak masa dan ruang untuk murid membina pengetahuan mereka sendiri melalui aktiviti yang dilakukan. Selain itu, strategi ini juga dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan meningkatkan keyakinan diri.

- Caranya, guru akan suruh macam harini baca Buku 1 muka surat 3 hingga 4 macam tu, dua helai dan kena rekodkan video dan hantar

dalam telegram untuk pelaporan PBD. (GBM1)

- Aktiviti kalau membaca kita boleh buat simulasi dalam talian seperti saya cakap tadi kita buat berperingkatkan, jadi murid boleh baca one to one dengan cikgu terus, yang kedua cikgu buat kaedah projek dimana murid merakam bacaan dan hantar kepada guru dan yang ketiga, merakam tu kan sama ada dia buat video boleh, dia buat dalam audio pun boleh. (GBM2)
- Saya akan beri petikan, untuk murid-murid baca kemudian saya akan maklumkan kepada murid dan ibu bapa sekali untuk bantu rakam bacaan anak-anak dan hantar dalam telegram untuk guru buat penilaian. (GBM3)

Selain itu, GBM2 juga menyatakan dalam pengajaran membaca, aktiviti simulasi dilaksanakan untuk membantu membina keyakinan diri dan mewujudkan amalan kerjasama dalam kalangan murid. Penyataan ini dibuktikan dalam temu bual seperti di atas.

- Untuk tahap 1 akan lebih baik kita buat berperingkat macam tu supaya ada motivasi murid sama lepastu kita akan menggunakan pendekatan pengaruh daripada kawan. Contohnya, kawan dia yang pandai membaca tu akan membaca dulu, kemudian dia akan ada motivasi la kan. Maksudnya, dia akan belajar mengikut contoh kawan dia yang membaca tu jadi dia akan mengoptimumkan arahan guru yang berjela pada masa pembelajaran dalam talian ni. (GBM2)

#### **Tema 4: Strategi Berpusatkan Aktiviti**

Berdasarkan dapatan temu bual, hanya GB! Dan GBM yang menggunakan strategi berpusatkan aktiviti. Tujuan strategi ini adalah untuk mengutamakan penglibatan murid agar dapat mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari. Sebelum melaksanakan aktiviti, guru akan merancang aktiviti-aktiviti menarik agar dapat menarik minat murid di samping mengukuhkan kemahiran membaca mereka.

- Macam satu, cikgu akan bagi aktiviti bacaan, yang kedua cikgu bagi aktiviti dalam bentuk google form, kemudian cikgu ada bagi video nyanyian. Sama jugaklah buku aktiviti masuk dalam tu sebabkan PdP dalam talian akan susah sikit kan kekangan banyak. Jadi macam lepastu tak boleh bagi banyak-banyak sebab nanti ada murid yang tak buat. (GBM1)
- Cikgu-cikgu juga boleh gunakan aplikasi seperti hot potatoes. Hot potatoes tu maksudnya murid pun boleh berlakon dalam talian selain cikgu. Maksudnya dalam tu ada

filter, cikgu dan murid boleh jadi macam apa yang kita nak kan. Nak jadi kentang ke. Maksudnya cikgu ini kena main peranan la untuk murid lebih interaktif. (GBM2)

Secara keseluruhannya, keempat-empat tema yang dibincangkan adalah empat strategi pengajaran utama, iaitu berpusatkan guru, berpusatkan murid, berpusatkan bahan dan berpusatkan aktiviti. Bagi kemahiran membaca, guru-guru Bahasa Melayu didapati cenderung mengaplikasikan strategi berpusatkan bahan, iaitu modul, rakaman video, kad bacaan dan kuiz interaktif agar keberkesanannya pengajaran dapat disampaikan secara lebih menyeluruh. Tiga strategi pengajaran kurang diaplikasikan oleh guru kecuali mengajar Bahasa Melayu secara dalam talian.

#### **PERBINCANGAN**

PdP dalam talian sememangnya bergantung kepada komitmen guru untuk menjalankan pendidikan dengan berkesan. Pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti yang dipilih dan dirancang oleh guru untuk mencapai objektif pengajaran adalah bergantung kepada strategi pengajaran. Berdasarkan temu bual bersama tiga orang guru yang mengajar di sekolah kajian, didapati bahawa terdapat empat tema yang telah dikenal pasti. Tema tersebut merangkumi strategi berpusatkan guru, strategi berpusatkan murid, strategi berpusatkan bahan dan strategi berpusatkan aktiviti. Hasil analisis terperinci mendapati antara strategi yang kerap dipraktikkan sepanjang PdP dalam talian terhadap kemahiran membaca adalah strategi berpusatkan bahan.

Strategi berpusatkan bahan telah menjadi pilihan guru Bahasa Melayu setelah mengambil kira faktor dan kekangan-kekangan mengadakan kelas secara dalam talian. Menurut Zeckqualine dan Dayang Nurlisa (2017), strategi melibatkan bahan berbentuk teknologi secara dalam dan luar talian akan mempengaruhi minat murid dan keberkesanannya objektif kursus Bahasa Melayu. Penyediaan bahan pengajaran seperti rakaman video dan modul adalah antara medium utama yang digunakan untuk mengajar kemahiran membaca murid tahap 1 dan tahap 2. Dapatkan kajian ini disokong oleh Muhammad Naim (2019), iaitu keberkesanannya pengajaran berpusatkan bahan adalah lebih menarik dan berkesan serta boleh dilaksanakan tanpa kehadiran guru. Pemilihan rakaman video pengajaran dan pengedaran modul adalah salah satu kaedah guru menyampaikan pengajaran mengikut kesesuaian situasi kerana mengambil kira faktor kekangan ekonomi dan prasarana sebilangan murid dari latar belakang keluarga B40.

Begitu juga strategi berpusatkan aktiviti seperti aktiviti bacaan dalam talian juga menjadi pilihan kepada guru-guru Bahasa Melayu mengajar secara dalam talian. Melalui aktiviti bacaan, guru bukan sahaja dapat memastikan murid terlibat sama dalam sesi PdP, tetapi juga untuk menggalakkan murid aktif di dalam

kelas. Demikian juga strategi berpusatkan guru yang berkaitan pemberian insentif. Pemberian insentif dalam bentuk motivasi bagi murid yang aktif akan mendorong murid-murid terlibat sama dalam ses PdP dalam talian. Murid yang tidak aktif akan diberi dendaan dan disebutkan nama mereka oleh guru semasa PdP. Hal ini jika berlaku akan menyebabkan murid-murid berasa malu. Akhirnya mereka terlibat aktif dalam pembelajaran. Dalam konteks kemahiran membaca ini, murid-murid melibatkan diri secara aktif dengan mengharapkan guru mereka memberikan ganjaran dalam bentuk pujian. Dapatkan ini sesuai dengan pendapat Zamri (2014) yang menyatakan ganjaran banyak membantu murid-murid aktif di dalam sesuatu sesi PdP. Zamri (2021) menyatakan bahawa dalam konteks PdP Bahasa Melayu dalam talian, guru-guru perlu kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.

Selain itu, strategi berpusatkan aktiviti nyanyian dan lakonan juga banyak digunakan oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajar kemahiran membaca dalam talian. Nyanyian dan lakoan merupakan aktiviti dalam didik hibur. Melalui lakonan dan nyanyian, guru menerapkan kemahiran membaca. Murid-murid berasa seronok belajar melalui aktiviti lakonan dan nyanyian. Dalam konteks kemahiran membaca, murid-murid perlu menghafal setiap dialog (lakonan) dan lirik (nyanyian). Dengan banyak membaca, murid-murid dapat menguasai aspek lakonan dan nyanyian tersebut. Dapatkan ini selari dengan dapatkan kajian Syamsulaini dan Mashitoh (2020) yang menggunakan akedah humor sebagai satu kaedah dalam meningkatkan minat murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Murid-murid berasa seronok untuk belajar di mana elemen humor dimasukkan oleh guru dalam pengajarannya. Murid tidak berasa bosan dan mengikuti sesi PdP sehingga tamat.

Begitu juga strategi berpusatkan murid melalui kaedah projek turut membantu meningkatkan pembacaan murid. Melalui ini didapati guru-guru Bahasa Melayu banyak menggunakan kaedah projek sebagai satu kaedah untuk meningkatkan kemahiran membaca murid. Melalui kaedah projek, murid-murid perlu banyak membaca dalam menyiapkan projek kajian yang dijalankan. Melalui pembacaan, banyak maklumat berkaitan tajuk tugas projek diperoleh. Dapatkan kajian ini selari dengan dapatkan kajian Mohd Rohiman et al. (2020) yang menggunakan kaedah projek sebagai satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan. Murid-murid dapat menyelesaikan masalah dalam menyiapkan tugas projek tersebut. Secara tidak langsung menggalakkan murid-murid untuk terus belajar.

Hasil kajian mendapati strategi berpusatkan guru sebagai strategi utama dalam pengajaran dianggap tidak relevan sepanjang pembelajaran dalam talian. Guru-guru didapati menerapkan elemen pengaplikasian teknologi dan bahan-bahan pengajaran agar pembelajaran kendiri dapat mematangkan murid untuk

menguruskan diri dan pelajaran dengan lebih baik. Walaupun kajian Mohamad Rozi (2021), Abdul Aziz dan Wan Muna Ruzanna (2020) menyatakan bahwa pembelajaran berpusatkan guru amat berkesan secara dalam talian, tetapi dapatkan kajian ini menunjukkan dapatkan sebaliknya. PdP secara dalam talian kurang berkesan jika berpusatkan guru, lebih-lebih lagi dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kesimpulannya, guru-guru Bahasa Melayu yang menjadi peserta kajian ini menyatakan terdapat empat strategi pengajaran yang boleh digunakan dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, setiap guru perlu bijak memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap kemampuan murid-murid mereka dalam meningkatkan kemahiran membaca khususnya dan dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara keseluruhannya. Hal ini kerana tidak semua strategi yang digunakan sesuai untuk semua kategori murid, capaian Internet dan peranti digital yang dimiliki murid. Keberkesaan kemahiran membaca tidak akan tercapai jika masih terdapat kekangan yang dihadapi oleh muridnya khususnya dan guru amnya dalam menjayakan PdP secara dalam talian.

## IMPLIKASI KAJIAN

PdP secara dalam talian merupakan perubahan norma baharu terutamanya kepada pendidikan murid sekolah rendah. Oleh itu, implikasi daripada kajian ini akan berfokus kepada keperluan mengatasi cabaran yang dilalui murid-murid ini sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung. Berdasarkan dapatkan, cabaran utama yang menjadi penghalang kepada keberkesaan PdP dalam talian adalah sikap murid itu sendiri. Masalah sukar untuk menumpukan perhatian semasa pengajaran adalah perkara yang dialami oleh setiap individu. Oleh itu, motivasi kendiri perlu dititikberatkan sebagai langkah utama untuk memperoleh ilmu yang berkualiti. Selain itu, sikap murid yang sukar memberikan tumpuan ini perlu diambil berat oleh guru dan ibu bapa sebagai pihak kedua untuk menjayakan PdP di rumah. Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan sentiasa memantau perkembangan pelajaran anak-anak dan berhubung dengan guru untuk memastikan murid tidak bersikap sambil lewa dengan tugas yang diberikan. Hal ini kerana, murid-murid yang berada di luar pemantauan ibu bapa akan sering jauh ketinggalan daripada rakan-rakan sekelas mereka.

Selain itu, hasil kajian berkaitan kesan PdP dalam talian terhadap kemahiran membaca memberi pendedahan kepada guru, murid dan ibu bapa berkenaan isu ini. Ketiga-tiga pihak perlu memperhalusi tindakan yang akan dilakukan dan bekerjasama agar kadar buta huruf di Malaysia dapat diatasi. Daripada dapatkan kajian ini, murid-murid didapati tidak seronok mengikuti aktiviti membaca tanpa rakan-rakan dan guru

serta mudah berasa penat dan letih untuk mempelajari kemahiran menulis. Implikasi daripada daptan ini adalah, guru-guru perlu cakna dengan gaya pengajaran yang bersifat sehalia kerana tindakan ini menyebabkan objektif PdP sukar dicapai. Selain itu, faktor latar belakang murid sama ada dari aspek pendidikan dan keluarga perlu diambil kira dengan pelaksanaan pengajaran yang akan dirancang. Hal ini adalah untuk mengelakkan masalah murid yang tidak menguasai asas kemahiran literasi membaca. Ibu bapa pula perlu memahami proses pembelajaran anak-anak dan tidak membebani mereka dengan tugas lain pada waktu PdP. Murid juga perlu sedar bahawa perubahan sistem pendidikan kini mementingkan aspek pembelajaran kendiri supaya murid lebih berdiskir.

Implikasi kajian yang terakhir ialah guru-guru dapat mengenal pasti strategi pengajaran yang perlu disesuaikan dalam PdP dalam talian. Kemahiran membaca dan kemahiran menulis adalah asas pendidikan bagi murid sekolah rendah. Tanpa kemahiran ini, perkembangan akademik murid akan terjejas. Oleh itu, dengan adanya perancangan strategi yang berkesan, guru dapat mencapai objektif pengajaran dan meningkatkan kadar kemahiran membaca dan menulis bagi murid sekolah rendah. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada sistem pendidikan baharu berteraskan teknologi agar kualiti pendidikan dan kemajuan pengaplikasian teknologi dapat bergerak seiring ke arah kebaikan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat dijelaskan bahawa cabaran PdP dalam talian sering menjadi isu utama sejak bermulanya alternatif pendidikan norma baharu. Strategi pengajaran guru berpusatkan bahan bagi kemahiran membaca dan berpusatkan aktiviti bagi kemahiran menulis amat membantu penguasaan literasi murid. Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan pendidikan norma baharu secara dalam talian semakin diterima oleh murid dan guru. Menerusi kerjasama daripada semua pihak iaitu guru, murid, ibu bapa, pihak pentadbir dan KPM akan menjadikan kaedah PdP secara dalam talian sebagai alternatif baharu yang mampu menambahbaik sistem pendidikan di Malaysia. Pelaksanaan PdP dalam talian yang berkesan akan menghasilkan murid-murid yang berkualiti dan boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan cemerlang.

## RUJUKAN

Abdul Aziz Busri & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia di sekolah rendah pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 618-627.

- Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan murid Diploma Logistik dan Pengurusan rantaian bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (4), 48-82.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al-Haadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5 (12), 31-44.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Osman. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 2-4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 1-12.
- Ahmad Khairuddin Mohd Ghazi, Haikal Anuar Adnan, Daniella Mokhtar, Najwa Afifa Rohaizad & Nazuha Shamshuddin. (2018). Kefungsian keluarga dan perkaitannya dengan motivasi pencapaian: Satu kajian di Kementerian Sumber Manusia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (3), 165-175.
- Ahmad Rizal Md Rais, Abdul Razaq Ahmad & Norfarizah Adira Abd. Hadi. (2016). Kompetensi guru terhadap aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education* pada 5-7 November 2015.
- Amirul Mukminin Mohamad. (2020). Quizizz sebagai e-penilaian norma baharu terhadap penutur antarabangsa dalam kursus Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 80-92.
- Buja A., Paganini, M., Cocchio, S., Scioni, M., Rebba, V. & Baldo V. 2020 Demographic and socio-economic factors, and healthcare resource indicators associated with the rapid spread of COVID-19 in Northern Italy: An ecological study. *PLoS ONE*, 15 (12), e0244535
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 67-87.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Likert*. Edisi Ke-3. Selangor: McGraw Hill Education.
- Eka Dewi Lukmana Sari, Mursalim & Akhmad Murtadlo. (2017). Pengembangan teknik pembelajaran menulis dan membaca melalui gerakan literasi sekolah. *Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya*, 1 (4), 341-352.

- Fazlina Abd Rahiman & Aniza Suriati Abdul Shukor. (2017). Hubungan minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam kursus DPA3043. *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (ICompEx'17)*.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan Cina sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (1), 57-74.
- Hasnah Hussin. (2020). Kesan COVID-19 kepada pelajar UMP: Satu kajian ringkas. Diakses dari: <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/31654/1/Pandemik%20Covid-19%20didik%20manusia%20tentang%20hidup%20Oberetika.pdf> [3 September 2021]
- Hunt, L. (2004). Creative e-transition. Dlm Claude Ghaoui, (Eds.). *E-education Applications: Human Factors and Innovative Approaches*. London: Idea Group Inc.
- Jaka Warsihna. (2016). *Meningkatkan Literasi Membaca dan Menulis Dengan Teknologi Informasi dan Komunikasi*. Jakarta: Pusat Kurikulum dan Perbukuan, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Juliana Langgat. (2020). *Norma Baharu: P&P Amali dari Rumah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Program LINUS Tahap 1 Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun Empat*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Disebabkan Penularan Jangkitan COVID-19*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Manzoor, A. & Ramzan, Q. (2020). Online teaching and challenges of COVID-19 for inclusion of persons with disabilities in higher education. Diakses dari: [https://www.researchgate.net/publication/340681691\\_Online\\_Teaching\\_and\\_Challenges\\_of\\_COVID-19\\_For\\_Inclusion\\_of\\_Persons\\_with\\_Disabilities\\_in\\_Higher\\_Education](https://www.researchgate.net/publication/340681691_Online_Teaching_and_Challenges_of_COVID-19_For_Inclusion_of_Persons_with_Disabilities_in_Higher_Education) [02 September 2021]
- Mazlan Ismail. (2016). *Pengajaran Bahasa Melayu: Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Aderi Che Noh. (2009). Amalan pengajaran Tilawah al-Quran: Satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia.
- Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1), 55-72.
- Mohd Fairuz Jaafar, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. Kertas Seminar Darulaman Peringkat Kebangsaan (SEDAR'20).
- Mohd Radzi Jidin. 2020. Belajar dalam talian kurang berkesan berbanding bersemuka. Berita Harian 1 Julai 2020. Diakses dari: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/595525/belajar-dalam-talian-kurang-berkesan-berbanding-bersemuka-metroty> [08 Jun 2021].
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Program LINUS Bahasa Melayu: Beberapa kelemahan dalam penilaian dan cadangan penambahbaikan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (2), 1-10.
- Muhammad Hasan Abdul Rahman. (2000). *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Naim Basir. (2019). Keberkesanan strategi pengajaran berpusatkan bahan dalam PdPc Bahasa Melayu. *Academia*. Diakses dari: [https://www.academia.edu/39831895/keberkesanan\\_strategi\\_pengajaran\\_berpusatkan\\_bahan\\_dalam\\_pdpc\\_bahasa\\_melayu](https://www.academia.edu/39831895/keberkesanan_strategi_pengajaran_berpusatkan_bahan_dalam_pdpc_bahasa_melayu) [01 Julai 2021].
- Muhammad Saiful Haq Husin, Nik Hafizah Abd. Rahman & Agus Syahrani. 2012. Pembelajaran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tamil: Kaedah gabung bunyi kata. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 12 (1), 1-23.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik COVID-19*. Shah Alam: SIG:e-Learning@CS.
- Norsita Ali & Zainal Madon. (2014). Tinjauan awal interaksi guru kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. *Proceedings 2nd International Conference on Social Sciences Research*, pp. 737-746. Anjuran Universiti Malaysia Sabah pada 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Peter, D., Gregersen, T. & Mercer, S. (2020). Understanding Language Teacher Wellbeing: An ESM Study of Daily Stressors and Uplifts. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Roselan Bakri. (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rosninawati Hussin. (2020). Pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu. Diakses dari:

- <http://fkp.usim.edu.my/pembelajaran-dalam-talian/> [13 Mei 2021].
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). *Research Methods of Business: A Skill Building Approach*. 6th Edition. New York: John Wiley and Sons.
- Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim. (2016). Pengajaran berasaskan video dalam pembelajaran berpusatkan pelajar: Analisis dan kajian kritikal. *Journal of ICT in Education*, 3, 24-33.
- Wahyu Trisnawati & Sugito. (2021). Pendidikan anak dalam keluarga era COVID-19. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5, 823-831.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1), 1-11.
- Wan, Ya Shin. (2020). Education during COVID-19. Retrieved from: <http://www.ideas.org.my/briefideasno-19-education-during-COVID-19/>, [22 September 2020].
- Yahya Othman & Roselan Baki. (2007). Aplikasi komputer dalam pengajaran bahasa: penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan. 1st International Malaysian Educational Technology Convention.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yusup Hashim. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kertas kerja di Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru pada 15-17 Oktober 2012. Kuantan Pahang. Asia e-University Kuala Lumpur.
- Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2010). E-pembelajaran: Evolusi internet dalam pembelajaran sepanjang hayat. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2021). Memperkasa pedagogi guru dalam norma baharu pendidikan. Kertas kerja Ucap Utama dalam Kolokium Kajian Tindakan dan Pembelajaran Berasaskan Projek @ KOSERI 2021. Kolokium Anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Selangau dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak secara dalam talian pada 19-20 Ogos 2021.
- Zamri Mahamod. (2020). *Psikolinguistik dan Pengajaran Bahasa*. Cetakan Keempat. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi norma baharu: Cabaran dan hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 74-85.
- Zeckqualine Melaidan & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2017). Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing: Analisis pola kesalahan tatabahasa dalam penulisan. *Issues in Language Studies*, 9 (1).